

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah projek pembangunan luar bandar yang berjaya dilaksanakan di negeri Pahang mengikut kategori di setiap DUN dan daerah dalam tempoh 2018 sehinggalah September 2020.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah memperuntukkan sejumlah **RM912.4 juta** peruntukan pembangunan kepada Negeri Pahang bagi tempoh 2018 hingga 2020 (**RM330.0 juta bagi tahun 2018, RM170.6 juta bagi tahun 2019 dan RM411.5 juta bagi tahun semasa 2020**).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk tahun 2020 Kerajaan telah memperkenalkan **Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)** dalam usaha untuk memastikan risiko ekonomi ekoran penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19) dapat ditangani dengan berkesan. Negeri Pahang tidak terkecuali dan turut mendapat peruntukan tambahan PRE sejumlah **RM20.7 juta** melibatkan projek/program bagi butiran **Jalan Perhubungan Desa dan Projek Ameniti Sosial (JPD-PAMS)** sebanyak **RM12.5 juta, MARA**

sebanyak **RM2 juta**, **KEMAS** sebanyak **RM2.2 juta** dan **Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** sebanyak **RM4 juta**.

Sukacita disertakan senarai projek-projek peruntukan pembangunan luar bandar yang telah diluluskan bagi tahun 2018 hingga 2020 meliputi keseluruhan Negeri Pahang seperti **di Lampiran**.

Kementerian sentiasa prihatin dalam mendukung agenda memartabatkan kebajikan penduduk luar bandar sebagai keutamaan demi memastikan semua peruntukan kepada Negeri Pahang tidak tercicir dan sampai kepada golongan sasaran dengan jayanya. Prestasi pelaksanaan projek di bawah Kementerian sentiasa dilaporkan kepada semua Kerajaan Negeri termasuk Negeri Pahang melalui mesyuarat-mesyuarat utama peringkat negeri termasuklah mesyuarat **Majlis Tindakan Negeri (MTNg)**, **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah** dan mesyuarat-mesyuarat khas lain.

Yang Berhormat juga boleh berhubung secara langsung dengan **Pengarah Pejabat KPLB Negeri Pahang** (beralamat di Pejabat KPLB Negeri Pahang, Tingkat 4, Blok B Bangunan RISDA Negeri Pahang, Jalan Haji Junid, 25200 Kuantan, Pahang) yang sedia membantu dalam memberi maklumat dan input semasa bagi sebarang isu projek/program pembangunan KPLB yang berbangkit di Negeri Pahang.